

# LAW BANGGA DAPAT BANTU KEMBALI S'WAK BURU KEJUARAAN PARALIMPIAD

August 6, 2016, Saturday

The Borneo Post

KUCHING: Bagi atlet Orang Kelainan Upaya (OKU) Sarawak Law King Kiew, tiada yang lebih membanggakan beliau selain sekali lagi dapat membantu kontinjen negeri memburu kejuaraan pada Sukan Paralimpiad.

Selepas enam tahun bersara, Law mengambil keputusan untuk kembali menyertai temasya berprestij itu demi memastikan Sarawak dapat merangkul kejuaraan buat kali ke-12.

Atlet kelahiran Bintangor yang cukup dikenali sebagai gadis besi kerana kehebatannya dalam acara angkat berat pernah membantu negara merangkul pingat gangsa dalam acara tersebut pada Kejohanan Paralimpik Antarabangsa (IPC) yang diadakan di Kuala Lumpur pada 2002.

Dan pencapaian itu masih belum diatasi oleh manamana atlet negara hingga sekarang.

Ketika ditemui semasa simposium sempena Sukan Paralimpiad Ke-18 Sarawak 2016 semalam, Law yang lumpuh separuh badan sejak berusia 19 tahun jelas bersemangat untuk kembali bersaing.

“Pada Sukan Paralimpiad kali ini, saya akan menyertai acara padang iaitu merejam lembing, melempar cakera dan melontar peluru.

“Saya tetap yakin dapat memberikan saingan walaupun telah bersara selama enam tahun,” ujar Law, 56 tahun.

Menurutnya, bimbingan dari para jurulatih dan rakan sepasukan semakin menyuntik semangat beliau untuk menghadiahkan emas buat kontinjen Sarawak.

Untuk rekod, Law pernah mewakili Sarawak sebanyak enam kali dalam Sukan Paralimpiad.

Pada Sukan Paralimpik Sydney, Australia 2000, Law memenangi tempat kelima dalam acara angkat berat namun terpaksa menarik diri pada temasya sama di Athens empat tahun kemudian kerana menjalani rawatan.

Sukan Paralimpiad yang bermula hari ini menyaksikan tiga acara membuka saingan iaitu olahraga (Stadium Sarawak), boling padang (Arena Boling Padang Sarawak) dan badminton (Kompleks Sukan UNIMAS).